

Mahathir: Dua unsur penting politik Melayu

KUALA LIPIS, Isnin

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO dan perpaduan orang Melayu adalah dua unsur terpenting dalam mengekalkan kuasa politik orang-orang Melayu di negara ini.

Bellau mengecam

dakwa Presiden PAS, Datuk Haji Mohamad Asri mengatakan kuasa orang Melayu akan lucut dari tangan mereka menjelang tahun 1990.

Dr. Mahathir menisfatkannya sebagai satu usaha menakutkan orang-orang Melayu.

Ketika merasmikan mesyuarat perwakilan

UMNO Bahagian Kuala Lipis, di sini pagi ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, Datuk Asri tahu keadaan itu kerana dia sedang berusaha melucutkan kuasa orang-orang Melayu dengan memecahbelahkan perpaduan masyarakat Melayu negara ini.

Katanya lagi, usaha-usaha kerjasama antara PAS dengan DAP bukan sahaja bagi menghan-

curkan UMNO dan memecahbelahkan perpaduan orang Melayu, malah untuk meretakan persefahaman antara parti-parti komponen dalam Barisan Nasional.

Menurut Dato Sri Dr. Mahathir, usaha-usaha ini dilakukan dengan harapan akan terbukti kata-katanya (Datuk Asri) bahawa kuasa politik orang Melayu akan terlucut menjelang tahun 1990.

Bellau menyeru seluruh ahli UMNO mengawasi sebarang kenyataan dan kegiatan pemimpin PAS dan lain-lain parti pembangkang.

Dalam menghadapi berbagai cabaran dan pergolakan politik sekarang, Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan, orang-orang Melayu mestilah bersatupadu supaya kuasa politik terus berada kekal di tangan mereka.

Tegasnya lagi, selagi kekuatan UMNO wujud seperti sekarang, selama itulah kuasa politik akan terus kekal di tangan kita.

Dalam hubungan ini, bellau menggesa seluruh ahli parti membendung sebarang perasaan tidak puas hati, kecewa dan sebagainya demi kepentingan perjuangan UMNO seluruhnya.

Katanya lagi, "Perjuangan kita dalam UMNO bukan untuk diri sendiri atau seseorang pemimpin, tetapi perjuangan untuk menentukan untung nasib bangsa, agama dan tanahair."

Katanya, untuk menentukan kuasa UMNO itu kekal, sejarah perjuangan dan kelahiran UMNO perlu sekali diperkenalkan kepada jenerasi-jenerasi muda.

Katanya, perjuangan UMNO tidak akan tamat dan harus diteruskan oleh jenerasi yang akan datang, "dan untuk menentukan kuasa UMNO kekal, sejarah UMNO perlu diperkenalkan kepada jenerasi muda demi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara," ujarnya.

No. Inis. 1297

No. Per. 968/80